

PERIBAHASA

Manifestasi falsafah dan Etos Bangsa

Ketamadunan sesebuah bangsa terletak pada kemajuan infrastruktur serta ketinggian intelektual masyarakatnya yang menjadi pengukur peradaban bangsa di dunia. Perkembangan pemikiran sesebuah bangsa tercermin daripada hasil intelektual tradisional yang diperturunkan-daripada satu generasi kepada generasi yang akan datang. Setiap bangsa memiliki peribahasa yang mencerminkan nilai falsafah dan etos sesuatu bangsa. Peribahasa Melayu yang terangkum dalam salah satu karya kreatif tradisional tidak pernah lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Peribahasa wujud dengan tujuan didaktik kepada masyarakat Melayu tradisional yang terkandung gagasan intelektual yang tinggi untuk menyelitkan unsur kiasan ibarat yang tepat dan tajam. Ketajaman pemikiran pencipta peribahasa dapat dilihat daripada pemilihan kata dan susun atur kata yang tersirat makna yang tersendiri. Hal yang sedemikian ini jelas menunjukkan bahawa peribahasa mencerminkan pandangan dunia masyarakat secara holistik.

Peribahasa merupakan ungkapan estetika berbahasa masyarakat terdahulu yang diwarisi turun-temurun. Penciptaan peribahasa berlaku sebelum sistem tulisan wujud dalam masyarakat. Peribahasa yang tidak terhitung jumlahnya juga tidak diketahui siapa-siapa penciptanya. Yang jelasnya, kearifan tempatan ini disebarkan dari mulut ke mulut dan menjadi salah satu bentuk interaksi yang mengandungi nasihat, peringatan, pengajaran, dan teladan kepada masyarakat ketika itu.

Masyarakat dahulu menggunakan peribahasa sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada pihak tertentu dengan cara berkias. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman tersebut, nilai kesantunan dan adat resam tradisi masyarakat sangat menebal. Sanjungan terhadap nilai budaya masyarakat tradisional ini dapat dilihat dalam ungkapan "biar mati anak, jangan mati adat" yang bermaksud adat pusaka bangsa harus dipertahankan dan dipelihara turun-temurun walaupun terpaksa mengorbankan seseorang atau sesuatu yang disayangi. Keteguhan pegangan nilai budaya dan adat resam ini jelas terpancar daripada penciptaan ungkapan estetika masyarakat ini yang bersulamkan unsur alam yang melatari suasana dan pemikiran masyarakat ketika itu.

Penggunaan peribahasa dalam masyarakat tradisional teretus hasil daripada kreativiti dan ketinggian akal budi untuk melahirkan sesuatu ungkapan yang sarat dengan kiasan positif dan negatif. Penelitian serta pemerhatian yang tajam dan

“ Penggunaan peribahasa dalam masyarakat tradisional teretus hasil daripada kreativiti dan ketinggian akal budi dalam melahirkan sesuatu ungkapan yang sarat dengan kiasan positif dan negatif. Penelitian serta pemerhatian yang tajam dan halus terhadap unsur alam yang melatari kehidupan menjadikan masyarakat Melayu berjaya menghasilkan peribahasa yang tinggi nilainya. ”

halus terhadap unsur alam yang melatari kehidupan menjadikan masyarakat Melayu berjaya menghasilkan peribahasa yang tinggi nilainya. Sebagai misalnya, unsur alam ini dapat dilihat menerusi peribahasa, "buang daun keladi, berselimut daun birah". Jika diteliti peribahasa itu, daun keladi dan daun birah berasal daripada keluarga tumbuhan yang sama dan akan menyebabkan rasa gatal jika terkena kulit. Ketelitian pemilihan dua unsur alam ini tergambar dalam maksud peribahasa tersebut, iaitu "menceraikan isteri yang jahat, kemudian kahwin dengan perempuan yang jahat juga" atau "meninggalkan sesuatu yang buruk, tetapi mendapat sesuatu yang buruk juga". Contoh lain ialah "berebut temiang hanyut, tangan luka, temiang tak dapat". Temiang ialah sejenis buluh dan jika tersalah pegang akan menyebabkan tubuh berasa gatal atau melukakan tangan. Peribahasa ini menggambarkan, "orang berkelahi kerana merebutkan sesuatu barang sehingga melukakan tangan atau badan, tetapi barang yang menjadi rebutan tidak berjaya diperoleh". Berdasarkan

Language - Malay language.

pg = 8 - 11